

# Lelaki dera kanak-kanak didenda RM10,000

**SIBU:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM10,000 atau penjara lapan bulan terhadap seorang lelaki yang mengaku bersalah atas pertuduhan mendera seorang kanak-kanak berusia sembilan tahun.

Hakim Musyiri Peet yang menjatuhkan hukuman itu turut memerintahkan tertuduh, Boniface Tinggi, 35, dikenakan bon berkelakuan baik selama dua tahun dengan jaminan RM5,000 berserta seorang penjamin.

Tertuduh turut diperintah melaksanakan khidmat masyarakat selama 100 jam dalam tempoh enam bulan dari tarikh perintah dikeluarkan, dengan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin.

Boniface terdahulu didakwa mendera seorang kanak-kanak yang di bawah jagaannya, yang boleh mendatangkan kecederaan fizikal terhadap mangsa dengan memukul kepala, mencubit telinga dan menghempas mangsa ke atas lantai.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu pada 6 Oktober 2024, kira-kira jam 2 petang di sebuah rumah Lorong Wong King Huo 1D serta didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian pengadu dimaklumkan ibunya bahawa adiknya atau mangsa telah dipukul oleh tertuduh.

Tertuduh dikatakan memukul kepala mangsa menggunakan tangan, selain mencubit kedua-dua belah telinga serta menghempas mangsa ke atas lantai.

Akibat perbuatan itu, mangsa mengalami kecederaan kepala, jari serta belakang telinga.

Siasatan yang dijalankan mendapati tertuduh dan juga mangsa tinggal di rumah yang sama serta mengenali satu sama lain sejak sembilan tahun lepas.

Pada masa sama, tertuduh bertanggungjawab menjaga mangsa memandangkan ibu mangsa berada di Mukah.